

Sungai Melaka terbersih



Sungai Melaka menjadi antara produk pelancongan utama di negeri ini dan diiktiraf sebagai saluran yang mempunyai kualiti air terbaik di Malaysia.

[FOTO MOHD JAMAH NASRI/BH]

Ayer Keroh: Sungai Melaka yang kini menjadi antara produk pelancongan utama di negeri ini, diiktiraf sebagai saluran yang mempunyai kualiti air terbaik di Malaysia pada tahun lalu.

Ia berdasarkan kajian yang dilakukan Jabatan Alam Sekitar

(JAS) di saluran berkenaan sepanjang Januari hingga November bersama dengan sembilan sungai lain di seluruh negara.

Sungai lain, Bertam di Pahang; Tebrau, Segget dan Skudai (Johor); Rejang dan Miri (Sarawak); Klang dan Langat

“

JAS membuat pemantauan ke atas 10 sungai di seluruh negara tahun lalu dan hasil kajian kita dapati, **Sungai Melaka mencatatkan kualiti air yang terbaik berbanding lokasi lain**”

Abd Hapiz A Samad,
Pengarah JAS Melaka

(Selangor) dan Pinang (Pulau Pinang).

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Melaka, Abd Hapiz A Samad, berkata sungai sepanjang 40 kilometer (km) dengan keluasan lembangan 600 km persegi itu mencatatkan 82.62

peratus dalam Indeks Kualiti Air di bawah Kelas II (Bekalan Air Dengan Rawatan Konvensional).

“Kajian juga mendapati Sungai Melaka berada pada kedudukan teratas berdasarkan jumlah peratusan dalam Kelas I dan II,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Melaka, Datuk Md Yunos Husin, berkata beliau gembira kerana Sungai Melaka terus kekal sebagai antara sungai yang diiktiraf mempunyai kualiti terbaik air terbaik di negara ini.

Peruntukan besar

Katanya, sungai berkenaan sebelum ini, pernah menjadi antara paling tercemar di Malaysia berikutan pelbagai aktiviti di sepanjang laluanannya.

“Namun sejak 2000, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM310 juta bagi kerja pengindahan sungai alam usaha membangunkannya sebagai satu daripada tarikan utama pelancong di negeri ini,” katanya.